

PENGENAAN CUKAI OLEH LHDNM DALAM EKONOMI GIG

Pada tahun 2020, ekonomi jangka masa pendek atau ekonomi gig mula mendapat tempat dalam sektor ekonomi negara kerana mampu menjana lebih banyak pendapatan berbanding dengan sektor lain.

Menurut Investopedia, pekerjaan yang fleksibel ialah tempat biasa dan syarikat cenderung untuk mengambil kontraktor dan pekerja bebas dan bukannya pekerja sepenuh masa. Beberapa istilah lain dalam bahasa Inggeris juga digunakan bagi sektor baharu ini seperti *sharing economy, collaborative economy, digital economy, crowd economy* dan *peer economy*.

Ekonomi gig menjadi segmen ekonomi yang semakin popular sejak akhir-akhir ini, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Ekonomi ini terus berkembang pada tahun 2021 berikutkan penularan pandemik COVID-19. Kadar pengangguran yang tinggi menyebabkan platform ekonomi gig mula menjadi pilihan buat mereka yang ingin meneruskan kelangsungan hidup. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya kerajaan ingin memberikan tumpuan khas kepada ekonomi jangka masa pendek ini sebagai sumber baharu pertumbuhan ekonomi dalam merangka Rancangan Malaysia ke-12 bagi tahun 2021 – 2025.

Terdapat tiga komponen utama dalam ekonomi gig. Pertama, pekerja bebas dibayar berasaskan tugas tertentu. Kedua, pelanggan inginkan perkhidmatan yang spesifik. Ketiga, syarikat membina medium bebas antara pekerja dengan pelanggan menggunakan platform



Komponen Utama dalam Ekonomi Gig

- 1** Pekerja bebas dibayar berasaskan tugas tertentu.
- 2** Pelanggan inginkan perkhidmatan yang spesifik.
- 3** Syarikat membina medium bebas antara pekerja dengan pelanggan menggunakan platform aplikasi teknologi.

aplikasi teknologi seperti GrabFood, Foodpanda, TaskRabbit, BungkusIt serta perkhidmatan seru-pandu seperti Grab dan MyCar.

Tiada garis panduan yang khusus untuk menerangkan pekerjaan dalam ekonomi gig ini. Walau bagaimanapun, hal tersebut boleh disimpulkan kepada beberapa ciri.

Pertama, sistem kerja tanpa kontrak. Pekerja tidak terikat dengan syarikat atau pekerjaan tertentu, malah seseorang boleh bekerja di tiga syarikat sekali gus atau lebih tanpa batasan pada era digital. Kedua, pekerja mempunyai masa fleksibel tanpa terikat dengan waktu normal bekerja. Pekerja bebas bekerja pada bila-bila masa selagi tugas yang diberikan dapat diselesaikan mengikut waktu yang dipersetujui. Ketiga, penghasilan lebih daripada satu hasil kerja. Tidak hairan apabila generasi milenial ini boleh menghasilkan pendapatan lebih lumayan malah pendapatan mereka boleh mencecah ratusan ribu ringgit berbanding dengan mereka yang telah lama bekerja di syarikat. Hal ini disebabkan era ekonomi gig membolehkan mereka bekerja di beberapa tempat tanpa terikat dengan peraturan tertentu.

Ciri terakhir bagi ekonomi gig ialah bebas menyelesaikan pekerjaan. Hal ini bermaksud, pekerja dapat mengurus tugas tanpa sebarang tekanan. Dengan cara ini, seseorang itu dapat mengurangkan tekanan pada diri dan emosi. Kebebasan bekerja mungkin menjadi ciri utama buat mereka yang memilih menjadi pekerja bebas (*freelancer*) atau bekerja sendiri (*self-employed*).



Pendapatan sebagai pemandu Grab juga boleh dikenakan cukai pendapatan sekiranya memenuhi syarat.

The screenshot shows the LHDN e-Borang website interface. At the top, there are language options (BM | EN) and a login section (Penyenggaraan | Log Keluar). Below this is a banner for 'e-Borang' and 'Status e-Borang'. A note at the top of the page says: 'PERHATIAN : Sila tutup pop-up blocker pelayar anda sebelum menggunakan e-borang. Klik di [sini](#) bagi kaedah menutup pop-up blocker.' The main content area is titled 'Individu Pemastautin' and contains two sections: 'e-BE' (which says 'Tiada Punca Pendapatan Perniagaan') and 'e-B' (which says 'Ada Punca Pendapatan Perniagaan'). Both sections have dropdown menus for 'Tahun Taksiran'.

Kekerapan pekerjaan yang dilakukan menentukan jenis Borang Nyata ketika melapor pendapatan kepada LHDNM.

Pengenaan Cukai dalam Ekonomi Gig

Kini, semakin ramai yang terlibat dengan ekonomi gig kerana menginginkan kebebasan dalam bekerja. Selain itu, ekonomi gig juga telah membuka ruang yang lebih besar kepada perkembangan ekonomi rakyat Malaysia dan negara kerana memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Kebanyakan mereka yang terkesan dengan situasi ini telah beralih kepada ekonomi tersebut dengan membuat kerja separuh masa untuk menambah pendapatan. Namun demikian, adakah golongan yang bekerja separuh masa seperti ini perlu melaporkan pendapatan tersebut?

Scara asasnya, hal tersebut bergantung pada kekerapan kerja separuh masa itu dilakukan. Jika pekerjaan tersebut dilakukan satu atau dua kali sahaja, mereka boleh menggunakan borang BE untuk melaporkan pendapatan. Pendapatan yang diterima daripada pekerjaan separuh masa tersebut perlu diisi dalam bahagian pendapatan lain. Walau bagaimanapun, jika pekerjaan separuh masa tersebut dilakukan secara kerap seperti dilakukan pada setiap bulan, maka hal yang demikian lebih kepada model perniagaan dan pekerja tersebut perlu melaporkan pendapatan menggunakan borang B (Individu Berpendapatan Perniagaan). Bagi kategori borang Bini, contohnya seperti perniagaan dalam talian, pembelian barang dan kos perbelanjaan bagi penghantaran barang adalah dibenarkan tuntutannya sebagai pelepasan cukai.

Kesimpulannya, apa-apa sahaja pekerjaan yang menghasilkan pendapatan termasuklah pekerjaan dalam ekonomi jangka masa pendek perlu dilaporkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi tujuan cukai pendapatan. Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui Borang Maklum Balas Pelanggan atau hubungi HASIL Care Line melalui talian 03-8911 1000. Maklumat lanjut percukaian boleh diperolehi di laman web www.hasil.gov.my. Sumbangan anda jaminan kemakmuran negara.

EKONOMI GIG

Merujuk Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), ekonomi gig adalah berteraskan kepada penyatuan tugas khusus yang boleh dilakukan pada masa tertentu dan membolehkan pembekal dan pembeli berurus niaga dengan kos yang paling efektif / tanpa melibatkan majikan.


Berdasarkan kamus *Oxford Learner*, ekonomi gig ditakrifkan sebagai sistem ekonomi yang kebanyakannya melibatkan tempoh masa kerja yang singkat daripada pekerjaan tetap.

Menurut *Cambridge Dictionary*, ekonomi gig ditakrifkan sebagai seseorang yang mempunyai pekerjaan sementara atau melakukan kerja yang berasingan dan setiap pekerjaan atau kerja dibayar secara berasingan, dan bukannya bekerja untuk majikan.

Dalam erti kata lain, ekonomi gig dikenali sebagai karyawan bebas atau bekerja tanpa majikan.



Teka Silang Kata
Tema: Ekonomi Gig di Malaysia



Menegak

1. Pekerja dalam ekonomi gig selalunya dipanggil dalam bahasa Inggeris.
2. Tempoh masa kerja dalam ekonomi gig adalah lebih daripada pekerjaan tetap dan masanya tidak menentu.
3. adalah contoh perkhidmatan yang termasuk dalam ekonomi gig.
4. Generasi adalah golongan yang paling ramai terlibat dalam ekonomi gig.
5. menjalankan perniagaan dapat dijimatkan dengan menggaji pekerja ekonomi gig.
6. Ekonomi gig memperluas peluang di pasaran dan secara tidak langsung meningkatkan ekonomi negara.

6 K
R

Melintang

7. Bekerja dalam ekonomi gig adalah lebih dan boleh melakukan banyak kerja dalam satu-satu masa.
8. Pekerja dalam ekonomi gig bekerja secara bebas dan tanpa
9. Platform aplikasi diguna pakai dalam ekonomi gig secara meluas.
10. Pekerja ekonomi gig tidak terikat kepada kerja dan peraturan tertentu.

HADIAH
MENARIK
MENANTI
PEMENANG!

PERATURAN

1. Semua pembaca Dewan Siswa yang berumur 13 hingga 21 tahun boleh menyertai peraduan ini, kecuali kakitangan dan keluarga kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Keputusan pengadil muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak dilayan.
3. Tekaan hendaklah sampai kepada kami sebelum atau pada **30 Oktober 2022**. Jawapan yang diterima awal dan betul semua jawapannya akan diberikan keutamaan.
4. Sertakan nama penuh, alamat, nombor telefon dan jawapan yang tepat.

Borang Penyertaan

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Alamat Rumah :
.....
.....
No. Telefon :
Nama Sekolah :
No. Akaun Bank :

Alamatkan jawapan anda kepada:

Editor Dewan Siswa, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur.

1. SSPN 2. caruman 3. pemulaikan 4. kesuburan 5. penyelancaran 6. penyusuan
9. PERKESO 7. pengesanan 8. penyalit 10. ibu & bapa

JAWAPAN TEKA SILANG KATA DEWAN SISWA BIL. 09/2022